NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 62** **7hb Mei 2009** **No. 10**

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984
(Act 313)

**No. 376.**

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 3

APPOINTMENT UNDER SECTION 3

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 3(2) Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan nama mereka masing-masing dalam ruang (3) bagi menggantikan tempat orang yang namanya disebut dalam ruang (4).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(2) of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority of Terengganu Darul Iman has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to hold the offices specified in column (2) with effect from the dates specified against their respective names in column (3) in place of the persons names appear in column (4).

JADUAL/SCHEDULE

| | (1) Nama/Name | (2) Jawatan/Office | (3) Tarikh/Date | (4) Nama/Name |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Haji Nor Akhirrudin bin Mahmud K/P. 590426-03-5087 | Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu | 22.9.2008 | Haji Na'aman bin Jaafar |
| 2. | Haji Mohd Altifaizal bin Mohamad Ali K/P. 710521-08-5019 | Penolong Pengarah (Perancangan & Pengurusan) | 1.10.2008 | Jeffri bin Abd. Rasid |
| 3. | Jamal Shuhaily bin Shahar K/P. 700803-08-5421 | Penolong Pengarah (Operasi & Penguatkuasaan) | 16.4.2007 | Haji Sahran bin Suri |
| 4. | Kadri bin Shaari K/P. 730426-08-6249 | Penolong Pemelihara Hutan (Penguatkuasa) | 1.6.2008 | Zulkifli bin Abd. Hamid |
| 5. | Wan Mohd Yassim bin Wan Wahab K/P. 701029-11-5007 | Penolong Pegawai Hutan Daerah Terengganu Selatan | 1.6.2008 | Zulkifli bin Mohd Sanusi |
| 6. | Haji Abdul Jalil bin Ahmad Tabon K/P. 670618-01-6139 | Penolong Pegawai Hutan Daerah Terengganu Barat | 1.6.2008 | Nizamudin bin Zaini |
| 7. | Samsudin bin Abas K/P. 650220-08-6083 | Penolong Pegawai Hutan Daerah Terengganu Utara | 1.6.2008 | Yusof bin Abd. Rasid |
| 8. | Harman bin Baharudin K/P. 810204-03-5059 | Penolong Pemeliharaan Hutan (Perancangan dan Pengurusan Hutan) | 16.5.2008 | Ahmad Nizam bin Muhamad |

Bertarikh 19 Mac 2009
Dated 19 March 2009
[SUK. TR. 590/295 Bhg. 5;
PUN. TR. 70 Sj. 3 Jld. 16]

A. RAHIM BIN JUSOH
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu/*
*Secretary of the State Executive Council of Terengganu*

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)

**No. 377.**

(Seksyen 28)

NOTIS PENANGGUHAN SIASATAN

Kepada CIMB Bank Berhad yang beralamat di Cawangan Dungun, Lot 3679 & 3680, Jalan Besar, 23000 Dungun (RUJ: 1304000201951), pemegang gadaian di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Kepada Soo Youk Eng K/P. 730729–11–5238 dan Tan Chin Poong K/P. 660630–11–5261 yang beralamat di 74-B, Jalan Persinggahan, 20200 Kuala Terengganu, penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa siasatan bagi tanah tersebut yang telah ditetapkan pada 4 November 2008 DITANGGUHKAN DAN DITETAPKAN SEMULA PADA 8 Jun 2009 (Isnin) jam 9.30 pagi di Bilik Penolong Pentadbir Tanah (Pendaftaran), Pejabat Tanah Dungun. Tuan adalah dikehendaki HADIR.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Paka. No. Lot—7859. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5552. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2139/2000.

Bertarikh 24 Mac 2009
[PTD. 07/53/2008/0009 (10)]

MUHAMAD AZMIDI BIN ABDULLAH
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Dungun*

**No. 378.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

> Iaitu permohonan yang dibuat oleh Zainab binti Jusoh K/P. 410810-11-5232 (2637788) yang beralamat di No. 6532, Kampung Padang Mengkuang, Bukit Payung, 21400 Marang, Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Bukit Payung. No. Lot—7469. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1175. Luas—0.8565 hektar.

Bertarikh 26 April 2009
[PTM. 02/55/2009/0014]

FAKHROL RUZI BIN IBRAHIM
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Marang*

**No. 379.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mat Nor bin Botok K/P. 500324-11-5121 (1717212) yang beralamat di No. KM. 43, Kampung Gong Balai, 21610 Mercang, Marang, Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Mercang. No. Lot—2175. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1045. Luas—1369 meter persegi.

Bertarikh 26 April 2009
[PTM. 04/55/2009/0004]

FAKHROL RUZI BIN IBRAHIM
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Marang*

**No. 380.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan telah dibuat oleh Mohd Ridzuan bin Mohd Noor K/P. 570824–07–5609 yang beralamat di CIMB Bank Berhad, Tingkat 5, Bangunan CIMB, Jalan Semantan, Damansara Hights, 50490 Kuala Lumpur yang telah membuat permohonan bahawa hakmilik telah hilang.

JADUAL

Mukim—Cukai. No. Lot—11571. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 6097. Luas—139 meter persegi.

Bertarikh 11 Februari 2009
[PTK. 04/55/2009/B/0003–(2A)]

NUR KAMILAH BINTI HAMZAH
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Kemaman*

**No. 381.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan telah dibuat oleh Maimun binti Jali K/P. 570624–11–5012 yang beralamat di Kampung Meraga Beris, 24100 Kijal yang telah membuat permohonan bahawa hakmilik telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kijal. No. Lot—1507. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1554. Luas—2.456 hektar.

Bertarikh 11 Februari 2009
[PTK. 09/55/2009/B/0001–(2A)]

NUR KAMILAH BINTI HAMZAH
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Kemaman*

**No. 382.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan telah dibuat oleh Siti binti Abdul Mutalib K/P. 380709–11–5022 yang beralamat di No. 2167, Kampung Kubang Ikan, Kampung Raja, Besut yang telah membuat permohonan bahawa hakmilik telah hilang.

JADUAL

Mukim—Pasir Semut. No. Lot—1098. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 110. Luas—0.7333 hektar.

Bertarikh 18 Februari 2009
[PTK. 10/55/2009/B/0002–(2A)]

NUR KAMILAH BINTI HAMZAH
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Kemaman*

**No. 383.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Zalizan bin Sulong, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tidak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

(a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 20 Mei 2009 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM43,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Tiga Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM82,245.12 (3.2.2009). Nama pemegang gadaian Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas:

RM4,300.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ribu Tiga Ratus sahaja).

(b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya–

(i) maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

(d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 17 September 2009 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

(e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Binjai. No. Lot—1707. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 754. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2471/2004.

Bertarikh 3 Februari 2009
[PTK. 12/53/2008/0081]

*Pentadbir Tanah*
*Kemaman*

**No. 384.**

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Hanaffi bin Samsudin, Penolong Pentadbir Tanah Marang pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini membuat perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

(a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 1 Julai 2009 pada 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Marang (Bilik PPT III).

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM35,000.00. (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Lima Ribu sahaja)

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/gadaian pada tarikh ini ialah RM32,541.73 (20.11.2005). Nama pemegang gadaian Bank Islam Malaysia Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas:

RM3,500.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Lima Ratus sahaja)

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian.

(c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya–

(i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.

(d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 28 Oktober 2009 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

(e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Pulau Kerengga. No. P.T.—6466. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4141. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 269/2002 bertarikh 27.2.2002.

Bertarikh 14 November 2006
[PTM. 05/75/2004/0003]

MOHD HANAFFI BIN SAMSUDIN
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Marang*

**No. 385.**

(Seksyen 263)

PENGISYTIHARAN JUALAN

(Kali Pertama)

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Malayan Banking Berhad, Pemegang Gadaian.

Dan

Mat Nor bin Endut & Wan Rohani binti Wan Hassan, Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu yang diperbuat pada 11 Februari 2009 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 25 Mei 2009 jam 10.00 pagi di Perkarangan Lobi Pejabat Tanah, Kuala Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

| | | |
|---|---|---|
| No. Hakmilik | : | G.M. 294. |
| No. Lot | : | 2555. |
| Cukai Tanah | : | RM10.00. |
| Keluasan Tanah | : | 448 meter persegi |
| Mukim | : | Cabang Tiga. |
| Tempat | : | Titian Hangus. |
| Pegangan | : | Selama-lamanya. |
| Kegunaan Tanah | : | Bangunan. |
| Pemilik Berdaftar | : | Mat Nor bin Endut<br>K/P. 4386999<br>& Wan Rohani binti Wan Hassan<br>K/P. 4683100 |

Syarat Nyata:

(i) Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tapak sebuah rumah kediaman sahaja dan tidak boleh sekali-kali digunakan sebagai tapak rumah kedai.

(ii) Di dalam masa 2 (dua) tahun daripada tarikh kebenaran Penukaran Jenis Penggunaan Tanah ini diluluskan hendaklah didirikan sebuah rumah tempat kediaman menurut bagaimana pelan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

Telah digadai kepada Malayan Banking Berhad. No. Perserahan 3880/1983; Folio 69; Jilid 11.

Lokasi dan Perihal Hartanah:

Tanah ini letaknya di Titian Hangus Mukim Cabang Tiga.

Harga Rizab:

RM210,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sepuluh Ribu sahaja).

Cara Pembayaran:

1. Penawar dikehendaki membayar 10% daripada harga rizab iaitu RM21,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Satu Ribu sahaja) dengan Bank Draf atas nama Malayan Banking Berhad sebelum 9.45 pagi pada hari lelongan awam.

2. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 21 September 2009 dan tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan.

Bertarikh 9 April 2009
[PTK. Tr. 06/75/2007/0072 (40)]

SUHAILAWATI BINTI SAIGAI
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Kuala Terengganu*

**No. 386.**

(Seksyen 263)

PENGISYTIHARAN JUALAN

(Kali Pertama).

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Pemegang Gadaian.

Dan

Hassan Basri bin Muhaseng K/P. 731026–12–5573, Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah Kemaman yang diperbuat pada 3 Februari 2008 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Kemaman.

Akan menjual secara lelongan awam pada 20 Mei 2009 (Rabu) jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian persendirian/rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

| | | |
|---|---|---|
| Jenis dan No. Hakmilik | : | G.M. 754. |
| Mukim/Daerah/Negeri | : | Binjai/Kemaman/Terengganu. |
| Tempat/Lokaliti | : | Kampung Binjai. |
| No. Lot | : | 1707. |
| Keluasan | : | 100 meter persegi. |
| Cukai Tanah/Tahunan | : | RM10.00. |
| Tuanpunya Berdaftar | : | Hassan Basri bin Muhaseng K/P.731026–12–5573. |
| Taraf Pegangan | : | Selama-lamanya. |
| Tempoh Pajakan | : | — |
| Jenis/Kategori Penggunaan Tanah | : | Bangunan. |

Syarat Nyata:

(i) Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja.

(ii) Di dalam masa dua (2) tahun daripada tarikh kelulusan penukaran syarat tanah ini atau di dalam satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu hendaklah didirikan sebuah rumah tempat kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Kemaman.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Catatan dan Kemasukan Lain:

Tanah Orang Melayu.

Bebanan (Pemegang Gadaian):

Digadai kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia. No. Perserahan 2471/2004 bertarikh 12 Ogos 2004.

Lokasi dan Perihal Tanah:

Hartanah ini terletak di No. 58, Taman Muda, Batu 5, Binjai, Kemaman, Terengganu.

Harga Rizab:

RM43,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Tiga Ribu sahaja).

Syarat-syarat Jualan

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang-undang).

2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari harga rizab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Kemaman dalam perintah (Borang 16H) atau Pengisytiharan Jualan.

3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar/menyerah deposit sebanyak 10% daripada harga rizab iaitu selewat-lewatnya 60 minit sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.

4. Bayaran depositnya (3) hendaklah dalam bentuk Bank Draf (sahaja) kepada pemegang gadaian dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan di sebelah belakang bank draf berkenaan.

5. Penyambut yang berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar/ menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit sepuluh (10) peratus daripada harga pembelian/tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf/wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu tamat.

6. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jual beli dengan penyaksian.

7. Baki harga tawaran/pembelian (90%) hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari mulai tarikh perjanjian jual beli dibuat. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah melanggar perjanjian jual beli dan wang deposit 10% akan dirampas dan akan digunakan/diagihkan mengikut seksyen 267 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001.

8. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.

9. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga belian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh pembeli.

Bertarikh 5 April 2009
[PTK. 12/53/2008/0081]

MOHD ZALIZAN BIN SULONG
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Kemaman*

**No. 387.**

(Perenggan 264(1)(*b*))

PEMBERITAHU JUALAN LELONG

1. Adalah dengan ini diberitahu iaitu satu jualan secara Lelong Awam bagi tanah/harta seperti di bawah ini akan diadakan diperkarangan Pejabat Tanah, Marang masa 10.00 pagi bertarikh 1 Julai 2009 (Rabu).

DI ANTARA

Bank Islam Malaysia Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Rosli bin Zakaria, Penggadai.

Nota: Bakal pembeli dinasihatkan menyemak suratan hakmilik daftar di Pejabat Tanah, Marang dan memeriksa hartanah berkenaan sebelum membuat sambut lelong tersebut.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Pemilik Berdaftar—Rosli bin Zakaria K/P. 750708–11–5069 (A3100271). Mukim—Pulau Kerengga. No. P.T.—6466. No. Hakmilik—H.S.(M) 4141. Harga Rizab—RM35,000.00.

2. Syarat jualan menghendaki pembayaran wang pendahuluan 10% daripada harga rizab secara tunai/bank deraf dibayar pada hari lelongan awam dijalankan dan baki bayaran sebanyak 90 % hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari daripada tarikh sambut lelong iaitu tidak lewat dari tarikh 28 Oktober 2009 dan tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan ini. Sebarang bayaran hendaklah dibuat kepada Pemegang Gadai.

3. Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan di para 2 di atas, jumlah yang dibayar sebagai deposit sebanyak 10 peratus itu kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 A Kanun Tanah Negara.

4. Pentadbir Tanah/Pelelong berhak mengubah syarat-syarat jualan tanpa sebarang sebab atau notis.

Bertarikh 1 April 2009
[PTM. 05/75/2004/0003]

MOHD HANAFFI BIN SAMSUDIN
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Marang*

**No. 388.**

(Subseksyen 80(2))

PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah Marang akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan mengikut di bawah subseksyen 80(2) Kanun Tanah Negara, 1965 tanpa diukur halus oleh Pengarah Ukur, Terengganu, seperti berikut:

2. Kenyataan Tanah:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.1. | No. P. T. | — | 13429. |
| 2.2. | Keluasan Tanah (Sementara) | — | 0.6426 hektar. |
| 2.3. | Lokasi | — | Bukit Perpat. |
| 2.4. | Mukim | — | Bukit Payung. |
| 2.5. | Daerah | — | Marang. |
| 2.6. | Jenis Penggunaan Tanah | — | Pertanian. |
| 2.7. | Suratan Hakmilik | — | Pajakan Mukim 60 tahun. |

Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Marang.

3. Premium Tanah:

3.1. Premium tanah permulaan lelongan ialah RM5,700.00 satu lot.

4. Lain-lain Bayaran:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4.1. | Cukai Tahun Pertama | — | RM | 8.00 |
| 4.2. | Bayaran Upah Ukur, | — | RM | 50.00 |
| | Batu Sempadan dan | — | RM | 25.00 |
| | Persediaan Pelan | — | RM | 5.00 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4.3. | Penyediaan dan Pendaftaran Hakmilik Tetap/Sementara | — | RM 40.00 |
| 4.4. | Bayaran Pewartaan | — | RM 60.00 |

5. Syarat-syarat Melelong:

5.1. Tanah ini akan didaftarkan atas nama penyambut yang sanggup membelinya dengan harga yang tinggi sekali.

5.2. Sebaik sahaja tawaran diterima, pembeli hendaklah membayar cengkeram wang tunai sebanyak 25% daripada harga yang disambut bersekali dengan bayaran di dalam Peraturan 25, Peraturan Tanah Terengganu 1966 dan bayaran-bayaran pewartaan pada hari tersebut. Sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah itu dilelong semula.

5.3. Baki wang pembelian hendaklah dijelaskan dalam masa 90 hari daripada tarikh jualan lelong. Sekiranya pembeli tidak menjelaskan baki wang pembelian di dalam tempoh tersebut, maka wang cengkeram akan dijadikan hasil rampasan dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutan ke atas tanah tersebut. Dengan ini tanah tersebut akan dijual lelong semula.

5.4. Pentadbir Tanah, Marang berhak membatalkan/menangguhkan jualan lelongan ini pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut.

6. Lelongan ini akan dijalankan pada 27 Mei 2009 (Rabu) jam 10.00 pagi di dalam kawasan Pejabat Tanah, Marang.

7. Lelongan ini akan dibuka kepada Orang Melayu mengikut tafsiran di bawah Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

8. Lain-lain syarat lelongan hendaklah mengikut Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu 1966.

9. Sesiapa yang mahu melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah ini bolehlah datang ke Pejabat Tanah, Marang pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH,
21600 MARANG.

Bertarikh 26 April 2009
[PTM. 02/71/2006/0089]

BELKHAINI BIN RAFIE
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Marang*

**No. 389.**

(Subseksyen 80(2))

PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan P.T. 1094 di Padang Awek Mukim Pasir Akar.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Isnin 18 Mei 2009 jam 9.30 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | Tempat | — | Padang Awek. |
| ii. | Keluasan (sementara) | — | 0.9002 hektar. |
| iii. | Jenis Penggunaan | — | Pertanian. |
| iv. | Suratan Hakmilik | — | Pajakan Mukim 60 tahun.<br>Keputusan MMKN Bil. 375/2009<br>bertarikh 21 Januari 2009. |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM3,000.00.

(c) Harga Tambahan:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| i. | Hasil Tahunan | — | RM | 5.00 |
| ii. | Bayaran Upah Ukur | — | RM | 15.00 |
| iii. | Persediaan Pelan | — | RM | 5.00 |
| iv. | Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Sementara | — | RM | 20.00 |
| v. | Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Kekal | — | RM | 20.00 |
| | | Jumlah: | RM | 65.00 |

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman padi sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut tafsiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:

(i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatal atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.

(ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang menjadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.

(iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.

(iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang keseratus dua puluh (120) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putusnya pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutannya kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.

(v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur maka hendaklah dikeluarkan keterangan Hakmilik Sementara.

(vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.

6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH BESUT.

Bertarikh 5 Mac 2009
[P.T.B. 11/17/1987/J047-(3);
PTG. Tr. (PLB) 11/64/Sj. 2H]

AZIZUL BIN AB HADI
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Besut*

**No. 390.**

(Subseksyen 80(2))

PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan P.T. 1090 di Padang Awek Mukim Pasir Akar.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Isnin 18 Mei 2009 jam 9.30 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | Tempat | — | Padang Awek. |
| ii. | Keluasan (sementara) | — | 0.9080 hektar. |
| iii. | Jenis Penggunaan | — | Pertanian. |
| iv. | Suratan Hakmilik | — | Pajakan Mukim 60 tahun. Keputusan MMKN Bil. 375/2009 bertarikh 21 Januari 2009. |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM3,000.00.

(c) Harga Tambahan:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| i. | Hasil Tahunan | — | RM | 5.00 |
| ii. | Bayaran Upah Ukur | — | RM | 15.00 |
| iii. | Persediaan Pelan | — | RM | 5.00 |
| iv. | Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Sementara | — | RM | 20.00 |
| v. | Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Kekal | — | RM | 20.00 |
| | | Jumlah: | RM | 65.00 |

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman padi sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut tafsiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:

(i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatal atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.

(ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang menjadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.

(iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.

(iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang keseratus dua puluh (120) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putusnya pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutannya kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.

(v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur maka hendaklah dikeluarkan keterangan Hakmilik Sementara.

(vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.

6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH BESUT.

Bertarikh 5 Mac 2009
[P.T.B. 11/17/1987/J004-(22);
PTG. Tr. (PLB) 11/64/Sj. 2H]

AZIZUL BIN AB HADI
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Besut*

**No. 391.**

(Subseksyen 80(2))

PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan P.T. 1089 di Padang Awek Mukim Pasir Akar.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Isnin 18 Mei 2009 jam 9.30 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | Tempat | — | Padang Awek. |
| ii. | Keluasan (sementara) | — | 0.8283 hektar. |
| iii. | Jenis Penggunaan | — | Pertanian. |
| iv. | Suratan Hakmilik | — | Pajakan Mukim 60 tahun.<br>Keputusan MMKN Bil. 375/2009<br>bertarikh 21 Januari 2009. |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM2,700.00.

(c) Harga Tambahan:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| i. | Hasil Tahunan | — | RM | 5.00 |
| ii. | Bayaran Upah Ukur | — | RM | 10.00 |
| iii. | Persediaan Pelan | — | RM | 5.00 |
| iv. | Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Sementara | — | RM | 20.00 |
| v. | Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Kekal | — | RM | 20.00 |
| | | Jumlah: | RM | 60.00 |

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman padi sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut tafsiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:

(i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatal atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.

(ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang menjadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.

(iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.

(iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang keseratus dua puluh (120) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putusnya pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutannya kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.

(v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur maka hendaklah dikeluarkan keterangan Hakmilik Sementara.

(vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.

6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH BESUT.

Bertarikh 5 Mac 2009
[P.T.B. 11/17/1987/J004-(7);
PTG. Tr. (PLB) 11/64/Sj. 2H]

AZIZUL BIN AB HADI
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Besut*

**No. 392.**

(Subseksyen 80(2))

PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan P.T. 2164 di Padang Awek Mukim Pasir Akar.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Isnin 18 Mei 2009 jam 9.30 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | Tempat | — | Padang Awek. |
| ii. | Keluasan (sementara) | — | 0.4630 hektar. |
| iii. | Jenis Penggunaan | — | Pertanian. |
| iv. | Suratan Hakmilik | — | Pajakan Mukim 60 tahun.<br>Keputusan MMKN Bil. 375/2009<br>bertarikh 21 Januari 2009. |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM2,250.00.

(c) Harga Tambahan:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| i. | Hasil Tahunan | — | RM | 7.00 |
| ii. | Bayaran Upah Ukur | — | RM | 50.00 |
| iii. | Tanda Sempadan | — | RM | 25.00 |
| iv. | Persediaan Pelan | — | RM | 5.00 |
| v. | Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Sementara | — | RM | 20.00 |
| vi. | Persediaan & Pendaftaran Hakmilik Kekal | — | RM | 20.00 |
| | | Jumlah: | RM | 127.00 |

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman getah sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut tafsiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:

(i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatal atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.

(ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang menjadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.

(iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.

(iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang keseratus dua puluh (120) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putusnya pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutannya kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.

(v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur maka hendaklah dikeluarkan keterangan Hakmilik Sementara.

(vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.

6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH BESUT.

Bertarikh 5 Mac 2009
[P.T.B. 11/17/1987/J019-(9);
PTG. Tr. (PLB) 11/64/Sj. 2H]

AZIZUL BIN AB HADI
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Besut*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

**No. 393.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Projek Naik Taraf Jalan Paka – Santong, Laluan 122, Mukim Kuala Paka, Daerah Dungun, Terengganu. (Lot Ketinggalan 1).

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Mukim—Kuala Paka. Daerah—Dungun.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Keluasan Lot | Anggaran Keluasan yang akan Diambil |
|---|---|---|---|---|
| | H.S.(D) | | Hektar | Hektar |
| Lot 3816 (PT. 3463) | 370 | Foo Koh Pow K/P. 1124572, Hoo Wah Juat K/P 2265304 dan Chew Teck Sin K/P. 0474105 – 1/1 bhg. Sebagai Pemegang Amanah | 0.1920 | 0.1010 |
| | H.S.(M) | | | |
| PT. 747 | 1463 | Tuan Sayed bin Tuan Padang K/P. 4715661 – 1/1 bhg. | 1.3150 | 0.0380 |
| | GRN. | | | |
| Lot 4027 (Lot Asal 2240) | 2134 | Zaharah binti Yusof K/P. 2904966 – 1/1 bhg. | 0.1607 | 0.0200 |

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Keluasan Lot | Anggaran Keluasan yang akan Diambil |
|---|---|---|---|---|
| | GRN. | | Hektar | Hektar |
| Lot 3297 (Lot Asal 1133) | 5977 | Tan Ah Hing K/P. 4816582 – 237/1152 bhg., Tan Kim Too K/P. 2265093 – 373/1152 bhg., Tan Kim Too K/P. 2265093 – 237/1152 bhg. dan Wang Tiew Lee K/P. 5244450 – 237/1152 bhg. | 4.4839 | 0.1680 |
| | | JUMLAH: | | 0.3270 |

Bertarikh 26 Mac 2009
[PTG. Tr. 02/63/2009/A/003(8);
PTD. 07/63/2006/A/002-Sj. 1]

DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL
*Pengarah Tanah dan Galian*
*Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA